



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**  
**Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak**

**TEKS UCAPAN**

**YANG BERBAHAGIA**  
**DATO' AMIR BIN OMAR**

**SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK**

**SEMPENA**  
**MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC)**  
**2020**

**JABATAN PENDIDIKAN NEGERI (JPN) SARAWAK**

Terima kasih, saudara/saudari pengerusi majlis,

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**Yang Berusaha**

**Dr. Norisah binti Suhaili,**

**Pengarah Pendidikan Sarawak**

**Dr. Abang Hut bin Abang Engkeh,**

**Timbalan Pengarah Sektor Perancangan dan Pengurusan PPD**

**Encik Omar bin Ali**

**Timbalan Pengarah Sektor Pengurusan Sekolah**

**Dr. Les Met**

**Timbalan Pengarah Sektor Pembelajaran**

**Encik Mortadza bin Sat**

**Timbalan Pengarah Sektor Pembangunan Murid**

**Ketua-ketua Sektor, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Penerima – penerima Anugerah, Para Pesara serta sidang hadirin yang saya hormati sekalian.**

1. Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT dengan berkat izin dan limpah kurnia Inayah-Nya, kita diberikan kesempatan untuk sekali lagi bersama-sama berhimpun dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Sarawak Tahun 2020 pada hari ini. Sekalung ucapan terima kasih kepada warga Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Sarawak khususnya YBrs. Dr. Norisah binti Suhaili Pengarah Pendidikan Sarawak dan Jawatankuasa Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2020 atas kesudian menjemput saya bagi menyempurnakan majlis ini.

2. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada warga JPN Sarawak yang sentiasa komited untuk melaksanakan tugas dengan penuh bersemangat demi kecemerlangan organisasi, tidak kira apa sahaja tugas yang dipertanggungjawabkan atau diamanahkan kepada kita.

3. Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2020 diadakan bagi menghargai sumbangan warga JPN Sarawak yang telah menunjukkan prestasi kerja cemerlang sepanjang tahun 2020. APC merupakan satu pengiktirafan kepada anggota yang telah berusaha secara berterusan melaksanakan kerja dengan cekap dan produktif, beriltizam

tinggi serta mensyukuri nikmat seperti yang terkandung dalam Teras Perkhidmatan Awam.

4. Selaku Setiausaha Persekutuan (SUP) Sarawak, saya amat berterima kasih dan menghargai komitmen tuan-tuan dan puan-puan yang telah melaksanakan tanggungjawab dengan penuh amanah, ikhlas dan bersungguh-sungguh ke arah mencapai kecemerlangan yang lebih gemilang.

5. Penganugerahan APC ini merupakan penghargaan kerajaan kepada pegawai perkhidmatan awam yang telah memberi perkhidmatan cemerlang di samping pengiktirafan terhadap perkhidmatan yang bermutu tinggi berdasarkan prestasi tahunan pegawai.

6. Syabas dan setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan kepada pegawai-pegawai jabatan yang telah berjaya menunjukkan prestasi kerja yang mencapai tahap yang terbaik sehingga terpilih sebagai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada kali ini. Pencapaian cemerlang ini merupakan pemangkin kepada usaha-usaha kerajaan dan jabatan untuk mentransformasikan sistem pendidikan negara.

**Sidang hadirin yang dihormati sekalian,**

7. Sesebuah organisasi kerap dinilai dari sudut kualiti penyampaian perkhidmatannya. Justeru, diharapkan dengan pengiktirafan yang diberikan pada hari ini, ia akan dapat memberi motivasi kepada semua penerima untuk

terus mempertingkatkan produktiviti dan mutu kerja yang berkualiti tinggi. Pengiktirafan ini juga seharusnya mewujudkan persaingan yang sihat dalam kalangan semua pegawai dan kakitangan untuk membuktikan keupayaan masing-masing. Perlu diingatkan juga dengan pengiktirafan yang diberi ini, tuan-tuan dan puan-puan hendaklah membuktikan bahawa tuan-tuan dan puan-puan selayaknya bergelar pegawai atau kakitangan yang cemerlang dan menjadi suri teladan kepada yang lain untuk terus berusaha dengan gigih agar matlamat yang disasarkan tercapai.

8. Seorang pegawai yang cemerlang seharusnya mempunyai tahap kecerdasan dan kecekapan yang tinggi, berkebolehan merancang, menganjur, menetapkan keutamaan dalam menyelesaikan masalah. Integriti dapat dinilai sejauh manakah kita bersikap jujur terhadap diri sendiri dan rakan-rakan berlandaskan etika kerja. Keberanian dan kesediaan menerima cabaran, mengambil risiko dan kesanggupan menerima tugas yang besar juga merupakan ciri-ciri cemerlangnya seorang pegawai. Yang paling utama ialah kekuatan dalaman di mana kita seharusnya memiliki kesabaran, bersemangat kental dalam memastikan matlamat dan agenda pendidikan tetap dilestari.

9. Alhamdulillah, dalam keadaan norma baharu yang agak terbatas ini kita masih mampu melaksanakan amanah dengan sebaiknya. Sesungguhnya, komitmen dan usaha berterusan tuan/puan semua sama ada secara langsung atau secara tidak langsung, pendidikan di negeri Sarawak dapat diangkat ke tahap yang amat membanggakan. Dalam usaha kita mengawal wabak ini daripada terus menular, kita perlu membiasakan

diri dengan kehidupan kebiasaan baharu dan norma baharu seperti penjarakan fizikal dan mengamalkan penjagaan kesihatan yang baik serta mematuhi Prosedur Operasi Standard (POS) yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

10. Dalam hal ini, penularan COVID-19 bukan sahaja telah mengubah rentak kehidupan seharian kita, malahan juga cara kita bekerja. Bagi memastikan kelestarian dan kesinambungan pendidikan di bawah kebiasaan baharu dan norma baharu Ketua Jabatan di organisasi perlu terus mengambil langkah proaktif dan efektif . Amalan budaya kreatif dan inovatif perlu ditekankan dalam menghadapi kekangan dan cabaran ini.

### **Sidang hadirin yang dihormati,**

11. Pada hari ini, aspirasi negara untuk memiliki sistem pendidikan yang berdaya saing, kompetitif, cemerlang memerlukan lonjakan besar dari segi polisi, pelaksanaan serta penilaian pencapaian. Pewujudan sebuah sistem pendidikan yang bersifat 'glokal' iaitu mampu berdaya saing di peringkat global tetapi berakar umbi atau berpegang teguh pada jati diri atau lokal adalah amat penting. Oleh itu, warga Jabatan khususnya dan seluruh Sarawak amnya akan berperanan dan bertanggungjawab dalam menghadapi era Revolusi Industri 4.0.

12. Saya menaruh kepercayaan yang tinggi bahawa warga JPN Sarawak di segenap lapisan akan terus bersama-sama berusaha memberikan perkhidmatan berimpak tinggi dengan cemerlang dan berintegriti serta

melaksanakan penambahbaikan secara berterusan dalam menjayakan agenda transformasi perkhidmatan awam dan transformasi pendidikan negara yang seterusnya akan melahirkan modal insan berkualiti sebagai pewaris kesejahteraan dan kemajuan negara menjelang 2050.

13. Saya mendoakan semoga tuan-tuan dan puan-puan terus berisitiqamah dan beriltizam dalam menghadapi segala cabaran dan kemungkinan, kerana untuk melakukan perubahan, keazaman yang amat tinggi diperlukan demi menyempurnakan tanggungjawab yang sama-sama kita pikul sebagai satu pasukan. Insya-Allah usaha kita akan diberkati dan aspirasi yang dihasratkan akan tercapai demi sebuah negara yang bernama Malaysia.

14. Kepada warga Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak yang telah bersara atau akan bersara pada tahun ini, saya bagi pihak Kerajaan dan Perkhidmatan Awam, ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas sumbangan dan khidmat bakti yang telah diberikan oleh tuan-tuan dan puan-puan, kepada perkhidmatan awam dan negara, khususnya untuk negeri Sarawak yang tersohor dan terbilang ini.

15. Tidak kira jawatan atau gred yang tuan-tuan dan puan-puan telah sandangkan saya yakin semuanya telah mencurahkan fikiran, masa dan tenaga sepanjang tempoh perkhidmatan bergelar sebagai seorang penjawat awam. Semoga segala jasa dan pengorbanan tuan-tuan dan puan-puan akan diterima Allah sebagai amal soleh yang pahalanya akan berpanjangan

selama-lamanya. Jasa bakti dan segala budi yang dicurahkan selama ini akan kekal terpahat dalam lipatan sejarah dan akan menjadi kenangan abadi sehingga ke akhir hayat.

Apa tandanya pohon angkana,  
Tinggi dahannya daunnya rimbun;  
Apa hebatnya orang berjasa,  
Nama dikenang sepanjang zaman.

16. Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan ucapan tahniah kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2020 JPN Sarawak yang diraikan pada hari ini. Moga dengan pengiktirafan ini akan lebih mempertingkatkan lagi motivasi tuan-tuan dan puan-puan untuk terus berkhidmat dengan lebih cemerlang lagi.

Dengan lafaz Bismillahirrahmannirrahim, saya merasmikan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2020 JPN Sarawak.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Sekian, terima kasih.